

Headline	Impian besar THT, TNB buru kejuaraan		
MediaTitle	Berita Harian	Language	Malay
Date	01 Feb 2024	Readership	246,756
Circulation	82,252	Page No	47
Section	Sukan	Journalist	N/A
ArticleSize	365 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 36,258		



### Piala Sumbangsih



Harfizi (kiri) dan Nor Saiful (kanan) pada sidang media Piala Sumbangsih semalam.

## Impian besar THT, TNB buru kejuaraan

**Kuala Lumpur:** Pasukan Hoki Terengganu (THT) memburu gelaran hatrik Piala Sumbangsih menjelang pertemuan menentang Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada saingan Liga Hoki Malaysia (MHL), 7 Februari ini.

Tidak cukup dengan itu, THT turut mengintai peluang bagi mengulangi pencapaian musim lalu yang menyaksikan pasukan itu berjaya merangkul gelaran 'trebel' dengan muncul juara liga, Piala TNB dan Piala Sumbangsih.

Ketua jurulatih THT, Mohd Harfizi Baharom, berkata dia opti-

mis dengan kemampuan dimiliki pasukan bimbangannya itu biarpun pada musim ini tidak menggunakan khidmat pemain import.

"Saya yakin dengan kemampuan pemain tempatan dalam usaha kami mempertahankan tiga piala yang kami menangi biarpun ia bukan mudah."

"Kali ini kami tampilkan 100 peratus pemain tempatan untuk memberi peluang kepada pemain remaja kita bersaing dengan pemain berpengalaman," katanya pada sidang media di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil

di sini, semalam.

Pada aksi Piala Sumbangsih tahun lalu, THT berjaya meraih kejuaraan itu selepas menumbangkan TNB 3-1.

Sementara itu, ketua jurulatih TNB Nor Saiful Zaini Nasiruddin berkata, pasukannya sudah bersedia mengharungi aksi itu dan percaya dengan beberapa muka baharu yang dibawa masuk mampu mengukuhkan lagi kekuatan pasukan.

TNB kali ini tampak serius untuk mencabar kejuaraan liga apabila buat kali pertama mengikat

pemain import dari Korea, Jang Jong-hyun yang sebelum ini bersama THT musim lalu.

"Tahun ini ada sedikit perbezaan di mana dua bekas pemain kita sudah kembali iaitu Shello (Silverius) dan Marhan (Jalil).

"Tahun ini juga kita ambil seorang lagi pemain luar dari Korea iaitu Jang (Jong-Hyun).

"Kami juga sudah kumpulkan hampir kesemua pemain dan saya rasa kami sudah bersedia untuk menghadapi perlawanan pertama kami (Piala Sumbangsih)," katanya.